



JABATAN LAUT WILAYAH TENGAH
MARINE DEPARTMENT CENTRAL REGION
(SELANGOR, NEGERI SEMBILAN & MELAKA)
PETI SURAT 268, JALAN FORESHORE
42000 PELABUHAN KLANG
SELANGOR, MALAYSIA

Telefon: 03-3169 5100 Emel : pjlwt@marine.gov.my
Faks: 03-3165 3540 Laman Web : <http://www.marine.gov.my>
03-3169 5100 Kawat : MARINE PELABUHAN KLANG



MS ISO 9001
Cert. No : KLR 0403591 B
Cert. No : KLR 0403591 N
Cert. No : KLR 0403591 M

PEKELILING PELABUHAN (PORT CIRCULAR)
NO: 02/2008

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 11 Mac 2008.

UPACARA "FLEET REVIEW" AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM
MALAYSIA (APMM) DI PELABUHAN KLANG PADA 13 MAC 2008

Adalah dimaklumkan bahawa Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan mengadakan upacara "Fleet Review" Agensi berkenaan di perairan Pelabuhan Klang pada 13 Mac 2008. Acara itu melibatkan 9 buah kapal dan 2 buah pesawat helikopter APMM.

2. Dimaklumkan juga bahawa acara tersebut akan dijalankan di perairan Selat Klang Selatan yang meliputi kawasan dari penghujung sebelah Timur dermaga Westport (Kelang Multi Terminal) sehingga ke Jeti Pusat Hidrografi Nasional TLDM, di Pulau Indah. Acara sebenar "Fleet Review " akan dilangsungkan pada hari Khamis, 13 Mac 2008 yang bermula dari jam 1100 pagi hingga jam 1300 petang. Perlu dimaklumkan juga bahawa pihak APMM telah merancang untuk mengadakan raptai bagi acara tersebut pada 11 dan 12 Mac 2008.

3. Selaras dengan itu juga, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya mengambil perhatian tentang upacara "Fleet Review" tersebut. Bagi mana-mana vesel yang menggunakan laluan terlibat, mereka hendaklah terlebih dulu mengambil nasihat serta arahan dari Lembaga Pelabuhan Kelang atau pihak VTMS (Traffic Controller LPK), sebelum melakukan pelayaran pada tempoh-tempoh yang dimaksudkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

Pegawai Laut Keselamatan Pelayaran,
b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
(ii) Pengurus Besar LPK.
(iii) Penyelia Pusat VTS, Ibu Pejabat Laut.